

# Pastikan bekalan cukup, bantuan sampai sasaran

Seperi diketahui umum, fenomena musim tengkujuh dan Monsun Timur Laut di negara ini sudah pun bermula dan dijangka berakhir awal tahun hadapan. Seperti biasa, keadaan ini memungkinkan hujan lebat luar biasa, sekali gus menyebabkan banjir terutama di kawasan rendah di pesisiran pantai.

Pada waktu ini, beberapa tempat di Pantai Timur Semenanjung sudah pun dilanda banjir berikutan hujan lebat sejak beberapa hari lalu. Mengikut laporan media, keadaan banjir di tiga negeri di Pantai Timur Semenanjung iaitu Kelantan, Terengganu dan Pahang, belum reda dan jumlah mangsa banjir terutama di beberapa tempat di Kelantan menunjukkan peningkatan.

Fenomena hujan lebat luar biasa menyebabkan timbul rasa cemas dan bimbang dalam kalangan penduduk yang tinggal di kawasan berisiko banjir. Namun, pada masa sama ada juga yang berasa gembira dengan kehadirannya terutama kanak-kanak yang seronok bermain air.

## Bantuan untuk mangsa banjir

Pelbagai usaha diambil pihak berwajib untuk memberi bantuan kepada mangsa termasuk memindahkan mangsa ke tempat lebih selamat. Bagaimanapun, pada waktu krisis ini, terdapat segelintir individu tidak bertanggungjawab yang akan mengambil peluang melakukan kegiatan bertentangan dengan undang-undang. Rumah mangsa yang ditinggalkan ketika pemindahan, berpotensi menjadi sasaran penjenayah. Oleh yang demikian, pihak berkuasa terutama polis hendaklah melakukan

## FORUM

Pembaca yang ingin menyuarakan pandangan berhubung isu semasa boleh menghantar sumbangan menerusi e-mel: [bhforum@bh.com.my](mailto:bhforum@bh.com.my)

pemantauan dengan lebih tegas sepanjang masa bagi membendung kegiatan ini.

Ibu bapa juga hendaklah sentiasa memastikan aspek keselamatan anak yang perlu dijaga setiap masa selain memastikan anak tidak berjalan di kawasan dinaiki air sewenang-wenangnya. Ibu bapa yang didapati cuai boleh dikenakan tindakan undang-undang berkaitan di negara ini.

Pengguna jalan raya hendaklah sentiasa mematuhi peruntukan undang-undang keselamatan. Penunggang motosikal terutamanya perlu memakai topi keledar bagi mengelakkan sebarang kecederaan serius.

Penternak haiwan juga hendaklah memastikan haiwan peliharaan dijaga dengan baik serta tidak berkeliaran pada musim banjir sehingga mengganggu keselamatan orang awam.

Pemilik serta pengusaha premis makanan juga diingatkan supaya



Pelbagai usaha diambil pihak berwajib untuk memberi bantuan kepada mangsa banjir termasuk memindahkan mereka ke tempat lebih selamat.

[ FOTO HIASAN ]

mengikut peraturan sewaktu membuang sisa makanan dengan tidak membuang terus ke saluran yang boleh mengakibatkan banjir menjadi bertambah serius serta menjejaskan kesihatan.

## Pastikan keperluan asas cukup

Kebiasaannya, pada waktu banjir, orang ramai juga akan menghadapi kesukaran mendapatkan bahan keperluan harian terutama barang makanan. Ada yang mula resah apabila sesetengah peniaga

tidak bertanggungjawab mengambil kesempatan menaikkan harga barang terutama barang makanan yang membebaskan pengguna terutama mangsa banjir.

Justeru, kementerian berkaitan perlu memastikan segala keperluan asas pengguna dapat disalurkan di kawasan terbabit banjir sepanjang masa mengikut segala peruntukan di bawah kawalan harga barang serta memastikan tiada pihak mengambil peluang menaikkan harga barang sesuka hati.

Semua pihak hendaklah memainkan peranan masing-masing dengan mematuhi segala peruntukan undang-undang dan peraturan sedia ada supaya banjir yang berlaku tidak mendatangkan beban lebih banyak kepada semua pihak terutama mangsa banjir.

## Dr Muzaffar Syah Mallow,

Pensyarah Kanan,  
Fakulti Syariah & Undang-Undang (FSU),  
Universiti Sains Islam Malaysia